


# LATAR BELAKANG

## TEMPAT LETAK KERETA AWAM BERBAYAR DI MPKj

No.	Perkara	Butiran
1.	Hari Operasi	Isnin hingga Jumaat Sabtu, Ahad dan Cuti Umum dikecualikan
2.	Waktu Operasi	8.00 pagi sehingga 6.30 petang
3.	Kadar Caj Letak Kereta	RM0.50 Sejam
4.	Harga Pas Bulanan	RM74.20 Sebulan
5.	Harga Kupon	RM5.00 Sebuku (10 keping kupon)
6.	Mesin Bayar & Peraga (P&D)	RM0.50 Sejam
7.	Sewa Petak Khas	RM250.00 Sepetak Sebulan



**KAEDAH  
BAYARAN CAJ  
TEMPAT LETAK  
KERETA AWAM  
BERBAYAR DI  
MPKi**



1

# APLIKASI TELEFON PINTAR

## Smart Selangor Parking (SSP) & Flexi Parking

Demi meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan awam, MPKj telah melaksanakan bayaran caj tempat letak kereta awam melalui aplikasi Smart Selangor Parking & FlexiParking bermula **1 Oktober 2017**.

Smart Selangor Parking & Flexi Parking adalah satu lagi pilihan cara bayaran caj TLK di MPKj iaitu dengan menggunakan aplikasi telefon pintar.

Melalui aplikasi ini, pengguna boleh **membayar caj TLK**, **membeli pas bulanan** dan juga **membuat pembayaran kompaun TLK**.

Pembayaran caj letak kereta adalah secara 'real time' (masa sebenar).

Kredit yang ada di dalam aplikasi ini bersifat 'universal' di mana ianya boleh digunakan di PBT-PBT yang menggunakan aplikasi FlexiParking ini. Pengguna tidak perlu membeli kredit mengikut PBT kerana kredit yang sama boleh digunakan di semua PBT yang terlibat.



2

## KUPON LETAK KERETA & EJEN KUPON

### BUKU KUPON LETAK KERETA

Bayaran caj tempat letak kereta menggunakan kupon letak kereta telah dilaksanakan di MPKj bermula **1 Januari 2016**.

Kupon yang digunakan di dalam operasi tempat letak kereta di MPKj adalah dari jenis Kupon Gores.

Untuk menggunakan kupon tempat letak kereta, pengguna perlu menggoreskan tarikh dan masa sebelum meninggalkan kenderaan dan kupon itu kemudian dipamerkan di papan pemuka.

Harga sebuku kupon yang mempunyai 10 keping kupon satu jam adalah **RM5** sahaja. Purata jualan kupon di Kajang boleh dianggarkan dalam 40,000 keping sebulan secara purata.



### EJEN KUPON


Setakat ini, MPKj mempunyai **307 ejen kupon termasuk 7-Eleven, 99 Speedmart dan KK Mart**. Perlantikan Farmasi Guardian sebagai ejen kupon masih di dalam perbincangan.

Setiap ejen diberikan komisen jualan.



3

## MESIN BAYAR DAN PERAGA



Mesin Bayar dan Peraga adalah merupakan sistem pembayaran caj TLK yang mula digunakan pada Jun 2000 dan sistem pembayaran banyak digunakan di kawasan-kawasan terpilih sahaja.

Pelanggan perlu menggunakan syiling untuk membeli tiket dari mesin dan kemudian memaparkan tiket di papan pemuka (dashboard). Butiran yang dicetak pada tiket adalah berkaitan jumlah yang dibayar, nombor pendaftaran kereta, masa mula dan masa tamat. Pada masa ini, **94 unit** Mesin P&D dipasang di MPKj.



4

# Pas Bulanan

Pas bulanan adalah salah satu cara bayaran caj TLK secara bulanan dan ianya menjimatkan sehingga 10% daripada penggunaan biasa mesin P&D atau kupon tempat letak kereta.

Pas bulanan ini adalah pas bulanan yang dicetak di mana butiran nombor kenderaan dan tarikh sah penggunaannya akan dicetak di atas pas tersebut melalui sistem pas bulanan dan pencetak khas.

Pas bulanan juga boleh dibeli secara atas talian melalui laman web syarikat dan dari ejen jualan pas bulanan. Setiap ejen akan dibekalkan dengan pencetak khas.

Harga pas bulanan adalah **RM74.20 sebulan** dan purata pengeluaran pas bulanan untuk kawasan MPKj boleh dianggarkan dalam lingkungan 3,000 keping setiap bulan melalui 5 ejen pas bulanan yang telah dilantik oleh pihak syarikat.



## 5 PETAK KHAS

- 1) Petak khas adalah petak letak kereta yang dikhususkan kegunaannya kepada orang, kereta atau kenderaan tertentu dengan bayaran dan petak letak kereta ini ditandakan mengikut cara yang ditetapkan oleh Majlis.
- 2) Caj bagi satu petak khas adalah sebanyak **RM250.00 sebulan** dan setakat ini telah mencecah lebih daripada **500 petak**.
- 3) Petak letak kereta khas di hadapan premis di beri kepada hospital/klinik, kedai aksesori, hotel, bengkel kereta dan peniaga.

